LHDNMLHDNMLHDN
00147
MALAYSIA
RM48.00
26.08.2020
1102600013
PEJABAT SETEM
PETALING JAYA
02BCWN000ATO
P.U. (A)476/2010

**PERJANJIAN** ini dibuat pada ....26.... haribulan ....Aug.... tahun 2020

**ANTARA**

Perbadanan Produktiviti Malaysia **sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Produktiviti Malaysia (Pemerbadanan) 1966 [*Akta 408*]** yang beralamat di Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya, Selangor ("MPC") bagi satu pihak;

**DAN**

**SPEEDMINER SDN BHD** (No. Pendaftaran: 641645-D) yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai pejabat perniagaan yang beralamat di Lot 7.01, Level 7, 1 Tech Park, Tanjung Bandar Utama, Bandar Utama 47800 Petaling Jaya, Selangor ("KONTRAKTOR") bagi pihak yang satu lagi.

(MPC dan KONTRAKTOR selepas ini boleh dirujuk secara berasingan sebagai "Pihak" atau bersama-sama sebagai "Pihak-Pihak".)

**BAHAWASANYA –**

A. MPC berhasrat untuk memperoleh penyelenggaraan *Unified Online Public Consultation Portal* ("Perisian") seperti yang tersenarai di dalam **Jadual 1** kepada Perjanjian ini.

B. Justeru itu, MPC telah melantik KONTRAKTOR untuk melaksanakan penyelenggaraan Perisian itu.

C. KONTRAKTOR telah bersetuju untuk melaksanakan penyelenggaraaan Perisian berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.

## BAHAGIAN A
## AM

### KLAUSA 2 TEMPOH PERJANJIAN

2.1 Perjanjian ini hendaklah berkuat kuasa selama **satu (1) tahun, tiga(3) bulan dan sebelas(11) hari(468 hari)** bermula pada **15 Julai 2020 sehingga 25 Oktober 2021**("Tempoh Perjanjian").

2.2 KONTRAKTOR boleh memohon kepada MPC untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian secara bertulis tidak kurang dari dua (2) bulan sebelum Tempoh Perjanjian tamat jika KONTRAKTOR berniat untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian. MPC mempunyai kuasa mutlak sama ada hendak mempertimbangkan permohonan itu atau sebaliknya. Sekiranya MPC bersetuju untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian, Pihak-Pihak boleh dalam masa yang munasabah berbincang mengenai terma-terma dan syarat-syarat perlanjutan itu. Sekiranya Pihak-Pihak gagal mencapai persetujuan mengenai perlanjutan itu, Perjanjian ini akan dengan sendirinya tamat selepas tamat Tempoh Perjanjian.

### KLAUSA 3 HARGA PERJANJIAN

Sebagai balasan kepada KONTRAKTOR melaksanakan tanggungjawab dan obligasinya di bawah Perjanjian ini maka MPC bersetuju untuk membayar KONTRAKTOR wang berjumlah Ringgit Malaysia **Empat Puluh Tujuh Ribu Empat Ratus Lima Puluh dan Sen Sembilan Puluh (RM47,450.90)** sahaja termasuk 6% Cukai Perkhidmatan("Harga Perjanjian").

PADA MENYAKSIKAN PERJANJIAN INI, Pihak-Pihak pada Perjanjian ini telah mengesahkan bahawa masing-masing telah membaca dan memahami isi kandungan Perjanjian ini dan dengan ini pihak-pihak menurunkan tandatangan dan meteri mereka masing-masing pada haribulan dan tahun yang tertera di awal Perjanjian ini.

Untuk dan bagi pihak MPC:

Nama : 610529-06-5073 )

No. K/P : DATO' ABDUL LATIF HJ ABU SEMAN Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) )

Jawatan : )

..............................................

(Tandatangan)

Disaksikan Oleh :

Nama : )

No. K/P : 650318 035254 )

Jawatan : .............................................. )

DATIN ROSELEENA HASHIM
SETIAUSAHA PERBADANAN
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

..............................................

(Tandatangan)

Cop Rasmi :

Untuk dan bagi pihak KONTRAKTOR:

Nama : HOW KOK SHENG )

No. K/P : (I/C: 691125-05-5087) )

Jawatan : Director )

..............................................

(Tandatangan)

Disaksikan Oleh :

Nama : CHUAN LEE MEI )

No. K/P : (I/C: 710401-07-5000) )

Jawatan : Business Development Manager )

..............................................

(Tandatangan)

Cop Rasmi : Speedminer Sdn Bhd 641845-D

## JADUAL 2

## JADUAL PEMBAYARAN

| No. Bayaran | Tempoh | Bayaran Sebelum | Harga (RM) | 6%SST (RM) | Harga (termasuk SST)(RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Dari 15/7/2020 hingga 24/10/2020 | - | FOC | - | FOC |
| 2 | Dari 26/10/2020 hingga 24/4/2021 | 24/4/2021 | 22,382.50 | 1,342.95 | 23,725.45 |
| 3 | Dari 25/4/2021 hingga 25/10/2021 | 25/10/2021 | 22,382.50 | 1,342.95 | 23,725.45 |